

UCAPAN ALU-ALUAN

YAA TAN SRI DATO' SERI MD RAUS BIN SHARIF

KETUA HAKIM NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN

MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

22 JUN 2017 (KHAMIS)

ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor

Penaung Yayasan PERMATA

Yang Berhormat Senator Datuk SA. Vigneswaran

Yang Dipertua Dewan Negara

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet

Yang Amat Arif- Yang Amat Arif,

Yang Arif-Yang Arif

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, hadirin dan hadirat sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktu dan salam sejahtera,

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah izin-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi di bulan Ramadhan yang mulia ini, sempena Majlis Perasmian Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

2. Bagi pihak Badan Kehakiman, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kesudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima jemputan untuk merasmikan penubuhan Mahkamah Khas ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor kerana sudi hadir di Majlis pada pagi ini.
3. Ucapan terima kasih saya juga kepada semua tetamu yang sudi melapangkan masa menghadiri majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Penubuhan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ini adalah untuk menyambut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semasa merasmikan **“Seminar Jenayah Seksual Kanan-Kanak: Hentikan!”** di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 13 Mac 2017 yang lalu. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam seminar tersebut adalah supaya ditubuhkan Mahkamah Khas untuk mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

5. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut telah dibawa kepada perhatian saya oleh Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Azalina Othman Said dalam perjumpaan beliau dengan saya pada 7 April 2017. Hasil perbincangan kami, telah dipersetujui bahawa Mahkamah Khas yang mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak, ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia, mengikut kesesuaian jumlah kes yang ada. Telah juga dipersetujui bahawa Mahkamah Khas ini dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan terkini, yang mesra kanak-kanak, dan dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang terlatih dan berpengalaman yang sekurang-kurangnya dalam Gred JUSA C.
6. Sebagai permulaan, adalah juga dipersetujui bahawa Mahkamah Khas ini ditubuhkan di Putrajaya.
7. Alhamdulillah, dengan bantuan Pejabat Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Azalina Othman Said dan Yayasan PERMATA, pihak Mahkamah telah dapat menyiapkan Mahkamah Khas ini dalam tempoh dua bulan dan sedia untuk dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini. Mahkamah Khas ini dilengkapi dengan kemudahan terkini, iaitu:

- (i) sistem *Court Recording and Transcription (CRT)* yang membolehkan pengguna mengakses rakaman video dan visual prosiding Mahkamah;
 - (ii) Bilik Khas yang menempatkan *Vulnerable Witness* yang dilengkapi kemudahan *video-link* yang membolehkan keterangan saksi diberikan dari Bilik Khas dan dapat diakses oleh hakim, pendakwa raya dan peguam dari mahkamah terbuka; dan
 - (iii) Bilik Menunggu Saksi Kanak-Kanak yang dinamakan “**Bilik Permata**” yang dilengkapi dengan perabot, televisyen, komputer, dan permainan kanak-kanak serta perpustakaan kecil yang menyediakan bahan-bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak.
8. Semua kemudahan ini diadakan sebagai usaha bagi memastikan kanak-kanak yang malang ini selesa dan diberi perlindungan sewajarnya semasa menghadiri perbicaraan kes. Dalam hal ini, Badan Kehakiman mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yayasan PERMATA di bawah naungan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor atas kemurahan hati memberi sumbangan kelengkapan untuk Bilik Menunggu Saksi

Kanak-Kanak di Mahkamah Khas ini. Sebab itulah kami namakan Bilik Khas ini “Bilik Permata”.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan hadirin sekalian, penubuhan Mahkamah Khas di peringkat Mahkamah Sesyen seperti ini bukanlah perkara baharu. Sebelum ini, beberapa buah Mahkamah Khas telah ditubuhkan seperti Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, Mahkamah Sesyen Khas Koroner, Mahkamah Sesyen Khas Anti-Pencatutan, Mahkamah Sesyen Khas Alam Sekitar dan Mahkamah Sesyen Khas Siber.
10. Prestasi Mahkamah-Mahkamah Khas ini amatlah membanggakan. Kes-kes dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tempoh masa atau *timeline* yang ditetapkan untuk Mahkamah Khas menyelesaikan kes adalah tidak melebihi satu tahun. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa 90 hingga 95 peratus kes di semua Mahkamah Khas seperti ini telah dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan tersebut.

11. Saya percaya Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ini juga akan dapat menyelesaikan kesnya dalam tempoh masa yang sama seperti mana di Mahkamah Khas yang lain, iaitu tidak melebihi satu tahun. Amatlah penting kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dapat didengar dengan segera dan tidak dijalankan secara tertangguh-tangguh. Dalam hal ini saya percaya Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam akan memberi kerjasama dalam memastikan matlamat ini tercapai.
12. Untuk makluman, Mahkamah Khas ini, sebagai permulaan akan membicarakan kes-kes kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang telah didaftarkan di bawah undang-undang jenayah yang sedia ada. Untuk tujuan itu, 56 kes sedia ada telah dibawa dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya, Selangor ke Mahkamah Khas ini, dan seorang Hakim Mahkamah Sesyen yang berpengalaman berpangkat Gred JUSA C telah dilantik bagi membicarakan kes-kes di Mahkamah Khas ini. Perbicaraan kes pertama akan diadakan pada 4 Julai 2017.
13. Prestasi Mahkamah Khas ini akan sentiasa dipantau. Saya berharap semua pihak yang terlibat akan memberi kerjasama padu, untuk memastikan matlamat penubuhan Mahkamah Khas ini tercapai.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Akhir kata, bagi pihak Badan Kehakiman saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi menerima jemputan untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak pada pagi ini. Juga kepada Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor, sebagai Penaung Yayasan PERMATA, terima kasih saya ucapkan atas sumbangan dalam penyediaan kelengkapan di Bilik Permata.

15. Pada kesempatan ini juga, suka saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, antaranya, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, dan tidak lupa kepada ahli jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah binti Haji Mohd Tahar, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam menjayakan Majlis Perasmian Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

RAUS SHARIF
Ketua Hakim Negara